

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang bankrap dari tahun 2010 sehingga kini mengikut perincian kaum dan sama ada KWSP membenarkan pencarum untuk mengeluarkan sebahagian kecil dari simpanan mereka secara sah mengikut garis panduan KWSP untuk melangsaikan hutang pinjaman "ah-long" atau kad kredit mereka yang membebaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan rakyat Malaysia yang diisytiharkan bankrap berdasarkan statistik daripada Jabatan

Insolvensi Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan
2010	18,119
2011	19,167
2012	19,575
2013	21,987
2014	22,351
2015	18,457

Walau bagaimanapun, tujuan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah untuk menyediakan simpanan persaraan bagi membiayai sara hidup ahli apabila telah bersara. Pengeluaran yang dibenarkan adalah hanya bagi tujuan yang berkaitan dengan persaraan atau menambah nilai simpanan untuk persaraan. Sehubungan itu, cadangan pengeluaran bagi melangsaikan hutang pinjaman "ah-long" atau kad kredit adalah tidak selaras dengan objektif KWSP sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang menyediakan simpanan untuk persaraan ahli. Tambahan pula, pengeluaran seperti ini akan mengurangkan simpanan dan menjejaskan kecukupan simpanan ahli untuk membiayai persaraan mereka kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 09.03.2017

SOALAN : 43

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan Siasatan Serious Fraud Office United Kingdom atas Rolls-Royce Plc di mana syarikat itu didapati bersalah atas pertuduhan membayar rasuah kepada seorang eksekutif AirAsia Bhd, apakah tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap individu tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan yang dijalankan oleh Serious Fraud Office (SFO) adalah berkaitan dengan kesalahan yang didakwa berlaku di United Kingdom. Namun begitu, siasatan oleh SFO kini telah ditangguhkan ekoran daripada kelulusan untuk Perjanjian Pendakwaan Tertunda (Deferred Prosecution Agreement - DPA) yang diberikan oleh President of the Queen's Bench Division, United Kingdom. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak ada menjalankan siasatan berkaitan kes berkenaan namun telah memberikan kerjasama kepada pihak Serious Fraud Office United Kingdom dalam siasatan mereka.

Setakat ini tidak ada keterangan yang dapat mengaitkan mana-mana pihak dengan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 berkaitan dengan kes yang disiasat oleh SFO itu. SPRM mengalu-alukan sekiranya mana-mana orang yang mempunyai maklumat berkaitan dengan isu yang dibangkitkan hendak menyalurkannya kepada Suruhanjaya ini.

Sekian, terima kasih.